

Bil. S 95

**AKTA SYARIKAT-SYARIKAT KEWANGAN
(PENGAL 89)**

**PERATURAN-PERATURAN
SYARIKAT-SYARIKAT KEWANGAN (IKLAN-IKLAN) (PINDAAN), 2006**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran.
 2. Pindaan peraturan 2 R 1 dari Pengal 89.
 3. Pindaan peraturan 4.
-

**AKTA SYARIKAT-SYARIKAT KEWANGAN
(PENGAL 89)**

**PERATURAN-PERATURAN
SYARIKAT-SYARIKAT KEWANGAN (IKLAN-IKLAN) (PINDAAN), 2006**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (1) bab 42 dari Akta Syarikat-Syarikat Kewangan, maka Menteri Kewangan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Syarikat-Syarikat Kewangan (Iklan-Iklan) (Pindaan), 2006.

Pindaan peraturan 2 R 1 dari Pengal 89.

2. Peraturan 2 dari Peraturan-Peraturan Syarikat-Syarikat Kewangan (Iklan-Iklan), dalam Peraturan-Peraturan ini disebut sebagai Peraturan-Peraturan utama, adalah dipinda, dalam takrifan "iklan", dengan memasukkan "atau perniagaan pembiayaan Islam" sejurus selepas "perniagaan kewangan".

Pindaan peraturan 4.

3. Peraturan 4 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dengan memasukkan "atau perniagaan pembiayaan Islam," sejurus selepas "perniagaan kewangan" dalam baris kedua.

Diperbuat pada hari ini 4 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1427 bersamaan dengan 4 haribulan Mac, 2006.

DATO PADUKA AWANG HAJI ALI BIN APONG
Setiausaha Tetap,
Kementerian Kewangan.